

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI UMS

Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri bersempena menyambut lebaran di Kompleks Dewan Kuliah Pusat 2 pada 13 September 2012. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Hj. Juhar Bin Hj. Mahiruddin, Yang juga merupakan Canselor UMS. Kehadiran beliau telah disambut kira-kira 5,000 kakitangan dan pelajar UMS.

Pelbagai juadah dihidangkan oleh 32 gerai yang terdiri dari pelbagai Jabatan di UMS termasuk Sekolah Perubatan sendiri yang menghidangkan 'Ayam Penyet' sebagai menu utama. Pihak Penganjur turut Mengadakan Pertandingan Gerai Terbaik dimana Sekolah Psikologi & Kerja Sosial (SPKS) muncul sebagai Johan diikuti Jabatan Canselor ditempat kedua dan Jabatan Pendaftar ditempat yang ketiga. Walaupun Sekolah Perubatan tidak memenangi sebarang kategori tetapi semangat kerjasama yang dipupuk akan memantapkan lagi hubungan baik di antara kita.

